

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM Press
Sent: Sunday, August 4, 2019 4:07 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Bin Saad; Umisofian Bt Md Yusuf; Mohammad Amzari Bin Bakri
Subject: PROGRAM BICARA TOKOH PENDIDIKAN PROF. EMERITUS TAN SRI DR. AWANG HAD SALLEH

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



04 Ogos 2019 / 03 Zulhijjah 1440H

Assalamualaikum WBT & Salam Sejahtera



SUMBANGAN AWANG HAD SALLEH SEBAGAI TOKOH PENDIDIKAN JADI TOPIK PERBINCANGAN BICARA TOKOH

Siapa yang tidak mengenali Allahyarham Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Awang Had Salleh? Bagi mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan negara pasti mengenal dan mengetahui akan sumbangan yang telah banyak Allahyarham berikan sepanjang hayatnya.

Hal inilah yang menjadi topik utama program Bicara Tokoh anjuran UUM Press yang berlangsung di Manager's Coffee pada 28 Julai lalu. Kehebatan dan sumbangan beliau ini menjadi topik utama dalam program berkenaan yang membicarakan buku bertajuk "Awang Had Salleh: Legenda Pendidikan Global Malaysia" hasil penulisan Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof Hasan.

Dua orang panel pembentang telah dijemput untuk membicarakan buku biografi yang telah memenangi Anugerah Buku Negara Kategori Buku Umum Terbaik (Tokoh Pendidikan) 2019 baru-baru ini iaitu Dato' Mohd. Yusof sendiri dan juga Profesor dari Universiti Utara Malaysia (UUM) iaitu Prof. Dato' Dr. Abdul Kadir Din yang di mudah cara oleh Prof. Madya Dato' Dr. Nuraini Yusoff, Ketua Penyelaras Bahasa Melayu, Jabatan Canselor UUM.

Dato' Mohd Yusof dalam pembentangannya telah membicarakan sejarah kehidupan Awang Had Salleh dan perihal kecintaan Allahyarham dalam bidang pendidikan manakala Dato' Abdul Kadir pula menceritakan tentang sumbangan dan pengalaman beliau semasa berada di bawah perkhidmatan Allahyarham.

Turut hadir ialah Prof. Dr Ayoib Che Mad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Encik Salleh Hudin Mustafa, Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Bahiyah,

Selain membicarakan tentang jasa Awang Had Salleh, turut menjadi tumpuan ialah pameran *Puisi Tipografi Awang Had Salleh Mengenang Tokoh Pendidikan Negara* yang mengumpulkan empat puisi untuk memperingati jasa Allahyarham. Keempat-empat puisi berkenaan akan dipamerkan di UUM Press Bookstore di Varsity Mall selepas program berkenaan.

Program Bicara Tokoh Pendidikan Prof Emeritus Tan Sri Dr Awang Had Salleh adalah sebuah program jalinan kerjasama antara UUM Press dan pelajar latihan industri dari bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM).

"PENERBITAN ILMIAH KEUTAMAAN KAMI"

UUM Press
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, MALAYSIA
Tel: +604 928 4835/4833
Fax: +604 928 4792
E-mail : penerbit@uum.edu.my
Website: <http://uumpress.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.